

Pameran dan Pertandingan Pembangunan Produk Makanan 2013 dengan Kerjasama Adabi Industries Sdn. Bhd.

PERSTANDINGAN PEMBANGUNAN PRODUK MAKANAN



Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) telah mengadakan Pameran dan Pertandingan Pembangunan Produk Makanan pada 18 Disember 2013 bertempat di ruang legar SSMP. Ini merupakan kali yang ketiga aktiviti ini dijalankan dengan kerjasama Adabi Industries Sdn. Bhd. Pameran dan pertandingan tersebut dirasmikan oleh Prof. Dr. Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Majlis ini turut dihadiri oleh En. Abdul Hady Hj Zabil, (Presiden Adabi Industries Sdn. Bhd.), Prof. Madya Dr. Sharifuddin Md. Shaarani (Dekan SSMP) dan para pensyarah SSMP.

Pameran dan pertandingan Pembangunan Produk Makanan merupakan sebahagian daripada aktiviti dalam Kursus NB40303 Perkembangan Hasil Makanan. Pihak Adabi Industries Sdn. Bhd. telah menaja kursus ini bagi membolehkan para pelajar menghasilkan produk makanan baru dalam tin dan makanan ringan yang berkhasiat.



12 kumpulan pelajar telah mengambil bahagian dalam pameran dan pertandingan ini. Kumpulan Village Recipe Sdn. Bhd. dengan produk Ayam Percik telah memenangi hati juri dan dipilih sebagai Johan, manakala produk Sambal Tempeh dari kumpulan Malaysian Delight Sdn. Bhd. menduduki tempat kedua. Tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan Bayu Best Sdn. Bhd. dengan mempertandingkan produk Canned Chicken in Satay Gravy. Pertandingan ini diadili oleh pihak Adabi Industries Sdn. Bhd. dan juga pensyarah SSMP.



Wolyna Pindi